

26 MAR 1997

Mahathir-Jamuan

MALAYSIA MAHU JEPUN TINGKAT PELABURAN DALAM TEKNOLOGI TINGGI

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 26 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap Jepun akan mempertingkatkan penglibatannya dalam pembangunan Malaysia, khususnya dalam usahanya melangkah ke industri berteknologi tinggi dan berintensifkan modal.

Beliau berkata projek Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia merupakan satu bidang yang memerlukan penglibatan Jepun.

"Jepun ialah rakan kongsi perdagangan Malaysia yang terbesar, juga pelabur asing yang terbesar bagi kami. Jepun telah memainkan peranan yang penting dan telah banyak memberi sumbangan kepada kemajuan ekonomi kami," kata beliau dalam ucapannya pada jamuan negara yang diadakan oleh rakan sejawatannya, Ryutaro Hashimoto malam ini.

Dr Mahathir tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi selama empat hari. Beliau telah diberi sambutan rasmi pada satu upacara di Istana Tetamu Akasaka pagi tadi dan kemudiannya menghadap Maharaja Akihito di Istana Imperial.

Perdana Menteri berkata Malaysia berharap supaya Jepun bukan hanya akan mengekalkan kedudukannya sebagai rakan kongsi terbesar dan pelabur terbesar baginya tetapi juga meningkatkan penyertaannya selaras dengan perubahan yang berlaku di Malaysia.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan negara-negara lain di Asia tidak hanya menganggap Jepun sebagai sumber pelaburan dan tempat untuk memasarkan produk mereka semata-mata.

"Bagi kami, Jepun lebih daripada itu. Malaysia khususnya mendapat inspirasi daripada kejayaan dan pencapaian anda.

"Sentimen kami untuk Jepun sangat mendalam. Ini kerana kami mempunyai hubungan dan kaitan sentimental dengan pemulihan dan kejayaan ekonomi anda." katanya.

Beliau berkata apabila Jepun membina semula ekonominya selepas perang, ia menumpukan kepada membangunkan negara-negara di Asia, termasuk Malaysia, sebagai pasaran utamanya.

Negara-negara ini kebanyakannya miskin dan negara miskin dengan kuasa membeli yang lemah bukanlah merupakan pasaran yang baik.

Jepun bagaimanapun dengan tekun melabur di negara-negara itu dan apabila Jepun mencapai kemajuan sehingga menjadi gergasi ekonomi dunia, negara-negara itu juga dengan perlahan-lahan turut maju dan sekarang mereka menjadi pasaran yang baik untuk produk Jepun.

Dr Mahathir berkata dengan hanya tiga tahun lagi menjelang ke kedatangan abad baru dan alaf baru, ekonomi dunia yang pesat berubah serta pembangunan teknologi mengundang penilaian dan pembinaan semula hubungan antara kedua-dua negara bagi menerokai potensi kerjasama dengan sepenuhnya.

Hashimoto berkata, dasar Pandang Ke Timur Malaysia merupakan model yang patut dipuji bagi pembangunan sumber manusia dan Jepun sedia bekerjasama dalam melaksanakannya.

Sambil menyatakan hubungan Jepun-Malaysia telah berkembang dalam pelbagai bidang, pemimpin Jepun itu memetik peribahasa Melayu "besar kapal, besar gelombang".

"Seperti peribahasa itu juga, kedua-dua negara telah mengembangkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam masyarakat antarabangsa. Oleh kerana itu kedua-dua negara kini perlu membincangkan isu-isu yang lebih meluas," kata beliau.

Beliau yakin, melalui rundingan serta dialog Jepun dan Malaysia akan

dapat mengatasi sebarang gelombang, walau sebesar mana sekalipun, untuk berada di hala tuju yang betul.

Hashimoto menyatakan sekali lagi penghormatannya kepada sumbangan besar Malaysia kepada masyarakat antarabangsa. -- BERNAMA

SJ PR NMO